

14/05/1999

Tokoh pelbagai kaum tolak gagasan DAP

KUALA LUMPUR, Khamis - Pemimpin pelbagai kaum di negara ini berpendapat, konsep `Malaysian Malaysia' yang ditimbulkan semula oleh DAP mencerminkan politik sempit dan idea lapuk parti pembangkang itu.

Sebaliknya, kata mereka, konsep Bangsa Malaysia yang diperjuangkan Barisan Nasional sejak 1991 diakui lebih praktikal dan sudah diterima rakyat berbanding konsep yang dicanang semula Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang itu.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata konsep `Malaysian Malaysia' yang dikemukakan pertama kali oleh DAP pada 1960an sudah ditolak rakyat, khususnya orang Melayu kerana ia berbau perkauman.

Beliau berkata, rakyat sebaliknya menerima konsep Bangsa Malaysia yang sudah termaktub dalam Wawasan 2020 seperti diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sejak 1991.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu pula berkata matlamat `Malaysian Malaysia' sudah lama wujud di negara ini berdasarkan keharmonian antara kaum yang saling menghormati agama, adat dan kebudayaan masing-masing.

"Apa yang kita ada sekarang adalah contoh terbaik Malaysian Malaysia dan secocok dengan sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan serta disenangi majoriti rakyat negara ini," katanya.

Tokoh Veteran Wanita Umno, Tan Sri Aishah Ghani, pula menyifatkan langkah Lim boleh mencetus pelbagai reaksi negatif dan ketegangan kaum.

Beliau berharap parti pembangkang termasuk Pas tidak perlu lagi mengeluarkan kenyataan tertentu yang boleh mencetuskan persoalan dan kemarahan rakyat hanya untuk memancing undi.

"Gagasan `Malaysian Malaysia' yang pernah diwujudkan oleh bekas Perdana Menteri Singapura Lee Kuan Yew, satu ketika dulu sudah lama berkubur," katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah berkata, perjuangan konsep itu tidak lagi relevan ketika kita melangkah ke alaf baru.

Sementara itu, Lim, dalam satu kenyataan hari ini, mempertahankan pendiriannya dan menasihatkan Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Yun Hussein supaya meninggalkan apa yang didakwanya sebagai politik benci membenci dan takut menakut.

(END)